


<b>TAJUK</b>	<b>GARIS PANDUAN PENANAMAN POKOK OLEH ORANG RAMAI DALAM KAWASAN PERUMAHAN</b>
<b>DILULUSKAN/ DISAHKAN DALAM</b>	<b>MAJLIS PENUH KE-455 (05/2012) PADA 31 Mei 2012</b>
<b>TARIKH KUATKUASA</b>	<b>31 MEI 2012</b>

#### 1.0 Garis Panduan :

1.1 Garis panduan yang melibatkan penanaman pokok oleh orang ramai meliputi kawasan seperti berikut:-

##### 1.1.1 Tanah Hak Milik Persendirian

i. Pemilik premis boleh menanam pokok dalam lingkungan 12' daripada rezab jalan (dalam kawasan tanah pemilik) berdasarkan nasihat dan jenis pokok yang dibenarkan oleh PBT(MPSP) dan pemilik premis tidak dibenarkan untuk menanam sebarang tanaman di bahu jalan, rezab jalan (tanah kerajaan) dan atau lorong belakang. Rujuk gambarajah seperti di bawah.



ii. Penguatkuasaan boleh di ambil terhadap mana-mana penanaman pokok secara kekal atau tidak kekal oleh orang awam di bahu jalan, rezab jalan (tanah kerajaan) dan atau lorong belakang yang boleh mendatangkan halangan dan menimbulkan kacau ganggu (*sesuatu perbuatan, ketinggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan bencana, kegusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang membencanakan atau berbahaya atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjelas keselamatan atau hak-hak penduduk umumnya*). PBT boleh mengambil tindakan dengan memberi notis terhadap kesalahan seperti di atas.

1.12 Tanah Lapang/ Sebahagian Tanah Lapang

i. Hanya NGO/RA/RT/JKKK yang sah dan berdaftar sahaja dibenarkan menanam pokok untuk tujuan landskap/rekreasi di atas tanah lapang dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Tempatan (MPSP) dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak PBT.

ii. Mana-mana individu adalah dibenarkan untuk menanam pokok untuk tujuan landskap/rekreasi dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Tempatan (MPSP) dan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak PBT bagi tanah-tanah yang tidak sesuai untuk kegunaan aktiviti beriadah.

1.13 Rezab Parit / Parit Mosun, Kolam Takungan dan Lain-lain Kawasan Selenggaraan MPSP.

i. Mana-mana pihak adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan sebarang aktiviti penanaman pokok di rezab parit / parit mosun di bawah selenggaraan MPSP.

ii. Bagi rezab parit / parit mosun di bawah selenggaraan mana-mana agensi kerajaan (JPS,JKR dan lain-lain), pemohon hendaklah mendapat kebenaran daripada agensi berkenaan untuk kegunaan tanah sebelum dipertimbangkan oleh MPSP.

## 2.0 Syarat-Syarat Permohonan

2.1 Syarat-syarat permohonan bagi bagi penanaman pokok di tanah lapang / sebahagian tanah lapang adalah seperti berikut:-

i. Permohonan perlu disertakan dengan pelan lokasi dan pelan cadangan

ii. Permohonan bagi kawasan yang melibatkan rezab parit / parit mosun dibawah selenggaraan mana-mana agensi kerajaan (JPS,JKR dan lain-lain), perlu mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada agensi-agensi berkenaan sebelum dikemukakan kepada MPSP.

iii. Permohonan adalah bagi tujuan landskap / rekreasi sahaja dan perlu mendapat sokongan Ahli Majlis Kawasan.

iv. Kelulusan permohonan akan terbatal sekiranya MPSP mendapati kawasan tersebut :-

- a. Tidak diselenggara dengan baik;
- b. Kawasan berpindah milik atau diserahkan kepada pihak ketiga;
- c. Salahguna kawasan bagi tujuan selain daripada landskap / rekreasi;

V. Pihak MPSP berhak untuk membatalkan permohonan yang telah diluluskan atas kepentingan MPSP tanpa sebarang pembayaran gantirugi / pampasan kepada pemohon.